

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 18 NOVEMBER 2023

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 5

Isyarat kukuh ekonomi Malaysia

Isyarat kukuh ekonomi Malaysia

Perdana Menteri kongsi prestasi memberangsang suku ketiga negara

KUALA LUMPUR

Prestasi memberangsangkan suku ketiga 2023, memberi isyarat kukuh untuk trajektori positif bagi Malaysia mencapai daya tahan dan menyokong penstrukturan semula ekonomi.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNGK) pada suku ketiga meningkat 3.3 peratus menjadikan pertumbuhan dalam tempoh sembilan bulan sebanyak 3.9 peratus, dengan ekonomi dipacu permintaan domestik, manakala keadaan global lemah dan tidak menentu.

Anwar yang juga Menteri Kewangan berkata, permintaan domestik dinamik mencerminkan usaha berterusan kerajaan Madani untuk memulihkan ke-

rancangan ekonomi Malaysia.

"Pembaharuan fiskal peringkat awal yang dilaksanakan menjana penjimatan dan hasil lebih tinggi yang diagihkan semula kepada rakyat secara langsung atau tidak langsung," katanya dalam kenyataan yang dikeluarkan Kementerian Kewangan (MOF) di sini, pada Jumaat.

Beliau berkata, pasaran buruh terus bertambah baik dengan kadar pengangguran berkurangan kepada 3.4 peratus pada suku ketiga 2023 iaitu pengurangan bilangan penganggur sebanyak 1.4 peratus berbanding suku sebelumnya.

"Inflasi turut menyederhana kepada dua peratus berbanding 2.8 peratus pada suku 2023 yang disokong subsidi kepenggunaan oleh kerajaan untuk mengimbangi kenaikan harga perkhidmatan dan makanan," katanya.

Anwar berkata, Belanjawan 2024 akan merealisasikan pembaharuan fiskal dan ekonomi oleh kerajaan Madani secara efektif dengan memperkenalkan lebih banyak inisiatif.

"Kerajaan akan mengurangkan defisit fiskal daripada lima peratus pada 2023 kepada 4.3 peratus pada 2024," katanya.

Sementara itu, menurut MOF, permintaan domestik melonjak sebanyak 4.8 peratus pada suku ketiga 2023, dengan pasaran buruh berdaya tahan dan disokong sektor pelancongan yang bertambah kukuh.

"Dari segi penawaran, pertumbuhan ekonomi Malaysia didorong oleh pengembangan dalam sektor perkhidmatan (lima peratus), pertanian (0.8 peratus) dan pembinaan (7.2 peratus).

"Namun, pertumbuhan itu menghadapi penguncupan kecil dalam sektor pembuatan (0.1 peratus) dan perlombongan dan pengkuarian (0.1 peratus).

"Jumlah dagangan menyusut sebanyak 15.7 peratus kepada RM653.3 bilion," jelasnya.

Justeru, kementerian berkata, kerajaan akan meneruskan pelaksanaan pembaharuan ekonomi seperti dinyatakan dalam rangka kerja Ekonomi Madani: Memperkasakan Rakyat, yang disokong Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara, Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 dan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kedua Belas.

"Ketegangan geopolitik memberi kesan domino berikutan gangguan berterusan rantaian bekalan antarabangsa dan peningkatan kadar faedah global.

"Situasi itu memuncak dengan ngan kemerosotan dalam per-



Sektor pelancongan bertambah kukuh turut membantu melonjakkan ekonomi Malaysia pada suku ketiga tahun 2023.

mintaan luaran mendedahkan ekonomi kepada risiko yang mungkin berlarutan dalam jangka masa sederhana," menurut MoF.

MOF memaklumkan pada September lalu, peningkatan Indeks Harga Pengguna (IHP) Malaysia sebanyak 1.9 peratus jauh lebih baik berbanding negara maju dan serantau terpilih seperti United Kingdom (UK) (6.7 peratus), Filipina (6.1 peratus), Singapura (4.1 peratus), Amerika

Syarikat (AS) (3.7 peratus) dan Indonesia (2.3 peratus).

"Di samping pasaran domestik yang bertambah baik, pemulihan dalam industri elektrik dan elektronik (E&E) dijangka memberikan kesan positif kepada pasaran eksport," tambahnya.

Pada suku 2023, FDI bersih melebihi dua kali ganda berbanding suku sebelumnya kepada RM7.2 bilion (suku kedua 2023: RM3.1 bilion). - *Bernama*



ANWAR